

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Ini adalah Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") Serba Dinamik.

Kami komited dalam melindungi data peribadi anda dalam mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Untuk membantu anda memahami Notis ini, terma-terma yang digunakan dalam Notis ini mempunyai maksud yang berikut:

“APDP”	ertinya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa);
“data peribadi”	ertinya apa-apa maklumat yang sedang diproses, direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses atau direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkaitan, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda, termasuklah data peribadi sensitive;
“Notis”	ertinya Notis Perlindungan Data Peribadi ini;
“pemprosesan”	ertinya mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan, penyusunan, penyesuaian, menggunakan, penzahiran atau pembedahan data peribadi; dan
“Serba Dinamik” dan “Kami”	ertinya Serba Dinamik Holdings Berhad dan subsidiarinya;

Notis ini dikeluarkan untuk membantu anda memahami bagaimana Kami memproses dan mengurus data peribadi yang telah diberikan anda.

Notis ini menjelaskan: -

1. Pengumpulan Data Peribadi.

1.1 Kami akan mengumpulkan data peribadi berikut tentang anda:

- a. nama.
- b. alamat e-mail.
- c. maklumat perhubungan.
- d. sebarang maklumat peribadi lain dalam pelbagai bentuk yang telah anda berikan kepada Kami atau dalam bentuk komunikasi lain antara anda dan Kami.

1.2 Sekiranya anda memberikan Kami data peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga, dengan menyerahkan data peribadi tersebut kepada Kami, ia membawa maksud kepada Kami bahawa anda,

telah mendapatkan persetujuan pihak ketiga tersebut untuk memberikan maklumat berkenaan bagi tujuan yang berkaitan.

- 1.3 Kami mengumpulkan data peribadi daripada anda melalui (termasuk tetapi tidak terhad kepada): -
- a. pendaftaran atau langganan perkhidmatan Kami oleh anda.
 - b. pertanyaan, aduan, komen, atau maklum balas yang dikemukakan oleh anda.
 - c. penyertaan peraduan, tawaran, soal selidik, atau promosi.
 - d. permulaan hubungan perniagaan atau transaksi komersial dengan Kami.
 - e. pengumpulan data peribadi anda dari pihak ketiga yang berurusan dengan Kami atau yang berkaitan dengan anda.
 - f. wakil anda menyerahkan data peribadi anda kepada Kami.
 - g. anda yang secara sukarela menyerahkan data peribadi anda kepada Kami atas sebab tertentu.
 - h. sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran untuk pendedahan data peribadi yang berkaitan dengan anda, dan / atau jika dibenarkan oleh undang-undang.

2. Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

- 2.1 Anda bersetuju bahawa Kami boleh mengumpulkan dan memproses data peribadi anda bagi tujuan berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada): -
- a. pengesahan identiti anda.
 - b. pematuhan sebarang obligasi undang-undang atau peraturan di bawah undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan atau kod industri yang terpakai untuk Kami.
 - c. pengurusan dan pengendalian akaun atau kontrak anda dengan Kami.
 - d. pengkomunikasian dengan anda atau wakil anda yang sah untuk tujuan transaksi atau pertanyaan.
 - e. Mana relevan, pemastian laman web Kami berfungsi dengan baik dan prestasinya dipertingkatkan.
 - f. pembalasan sebarang pertanyaan, permintaan, aduan, komen, atau maklum balas yang telah anda kirimkan kepada Kami.
 - g. perlindungan dan penguatkuasaan hak Kami
 - h. pemindahan atau pemberian hak, kepentingan dan obligasi Kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan Kami.
 - i. pengemaskinian, penggabungan dan penambahbaikan ketepatan rekod-rekod Kami.

- j. penyelidikan, penghasilan data, laporan dan statistik.
- k. penglibatan dalam urus niaga perniagaan berkenaan dengan perkhidmatan dan produk yang akan ditawarkan atau diberikan kepada anda.
- l. pelaksanaan aktiviti pemasaran yang berkaitan dengan Kami.
- m. menjaga keberkesanan servis perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada dan dilanggan oleh anda.

3. Permintaan untuk Akses dan Pembedulan Data Peribadi

- 3.1 Anda boleh memohon untuk akses dan membuat pembedulan data peribadi anda dengan mengemukakan permintaan bertulis kepada pegawai perlindungan data Kami di: -

alamat e-mel : customerrelationship@e-serbadkgroup.com
untuk perhatian : Janice/Winnie
nombor telefon : +603-55113213 ext 153
alamat : 9-1 Pusat Dagangan Shah Alam, Lot 9, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

- 3.2 Kami akan menjawab permintaan anda dalam masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan permintaan.
- 3.3 Sila maklum bahawa terdapat jenis-jenis akses data peribadi dan permintaan pembedulan tertentu yang boleh dikecualikan atau ditolak selaras dengan APDP dan undang-undang yang sedia ada.
- 3.4 Kami mungkin mengenakan bayaran yang berpatutan untuk menampung kos pentadbiran dan pemprosesan bagi permintaan anda.

4. Permintaan untuk Menarik Persetujuan

- 4.1 Sekiranya anda ingin menghentikan langganan penjualan, pemasaran atau promosi Kami (dirujuk secara kolektif sebagai "**Iklan**") atau menarik persetujuan anda bagi Kami menggunakan atau proses data peribadi anda, sila maklumkan kepada Kami dengan:

Untuk menarik balik persetujuan berkenaan dengan Iklan: -

Anda boleh mengklik butang henti langganan dan mengikuti arahan seperti yang dinyatakan dalam Iklan

Untuk menarik balik persetujuan berkenaan dengan penggunaan dan pemprosesan data peribadi anda: -

Anda boleh menghubungi kami di alamat berikut: -

alamat e-mel : customerrelationship@e-serbadkgroup.com
untuk perhatian : Janice/Winnie
nombor telefon : +603-55113213 ext 153
alamat : 9-1 Pusat Dagangan Shah Alam, Lot 9, Persiaran Damai, Seksyen 11, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

4.2 Sekiranya anda menarik persetujuan anda bagi Kami menggunakan atau proses data peribadi anda mengikut Notis ini, Kami mungkin tidak dapat memberikan anda servis Kami atau menunaikan permintaan anda yang berkaitan.

5. Penzahiran Data Peribadi Anda

5.1 Berkaitan dengan penggunaan data peribadi anda, anda bersetuju bahawa Kami boleh menzahirkan data peribadi anda kepada pihak-pihak tersebut samada di dalam atau di luar Malaysia, mengikut keperluan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 2.1: -

- a. pekerja-pekerja Kami.
- b. penasihat professional.
- c. ejen produk.
- d. penyedia perkhidmatan, syarikat atau organisasi yang membantu Kami dalam memproses dan/atau memenuhi permintaan anda.
- e. pihak-pihak lain di mana anda telah memberi kebenaran secara nyata atau tersirat untuk Kami zahirkan data peribadi anda.
- f. pihak-pihak lain yang wajib Kami zahirkan data peribadi anda agar Kami mematuhi kewajiban undang-undang atau peraturan berdasarkan undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan atau kod industri yang terpakai kepada Kami.

6. Kebenaran Penggunaan Data Peribadi

6.1 Dengan pemberian data peribadi anda kepada Kami anda menyatakan bahawa anda telah membaca dan memahami Notis ini dan anda bersetuju dan membenarkan Kami memproses data peribadi anda mengikut Notis ini dan mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan atau kod industri yang terpakai kepada Kami.

6.2 Sekiranya terdapat percanggahan antara Notis Perlindungan Data Peribadi versi Bahasa Inggeris dan Notis Perlindungan Data Peribadi versi Bahasa Melayu, syarat-syarat dalam Notis Perlindungan Data Peribadi versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

6.3 Bagi individu di bawah umur lapan belas tahun atau secara sah tidak kompeten untuk memberi persetujuan, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak dan memberi persetujuan bagi pihak mereka untuk pengumpulan dan pemprosesan data peribadi mereka sesuai dengan Notis ini

7. Penyerahan Data Peribadi

7.1 Sila pastikan semua data peribadi yang dihantar kepada Kami adalah lengkap, tepat, dan benar.

7.2 Kegagalan memberikan maklumat tersebut boleh menyebabkan Kami tidak dapat memproses transaksi yang anda minta atau memberikan anda perkhidmatan yang berkaitan.

8. Pengurusan dan Pentadbiran Data Peribadi

- 8.1 Kami akan menyimpan data peribadi anda sejauh yang dikehendaki secara sah oleh kewajiban kontrak, pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia, yang relevan di bawah undang-undang yang terpakai kepada Kami untuk jangka masa yang dianggap perlu. Sekiranya data peribadi yang Kami miliki tidak lagi diperlukan atau disimpan untuk tujuan pemprosesan asal, Kami akan mengambil semua langkah yang wajar untuk memastikan bahawa semua data peribadi dimusnahkan atau dihapus secara kekal mengikut prosedur dalaman Kami.
- 8.2 Semasa memproses data peribadi anda, Kami akan menyimpan data peribadi anda secara rahsia dan sulit dan akan mengambil semua langkah praktikal untuk melindungi data peribadi anda. Kami tidak akan bertanggungjawab atas penggunaan data peribadi tanpa izin oleh pihak ketiga yang berpunca daripada faktor-faktor di luar kawalan Kami.
- 8.3 Sekiranya perlu bagi Kami untuk memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 5.1 atau 2.1, Kami akan mengambil langkah praktikal untuk memastikan bahawa pihak tersebut tidak akan menyalahgunakan data peribadi anda untuk tujuan selain yang dinyatakan dan untuk melindungi kerahsiaan dan privasi data peribadi anda dengan secukupnya.
- 8.4 Kami berhak untuk mengubah Notis ini pada bila-bila masa tanpa sebarang pemberitahuan awal. Sekiranya terdapat perubahan pada Notis ini, Kami akan menerbitkan dan menyampaikan perubahan kepada anda mengenai Notis yang telah diubah di laman web Kami. Oleh itu, anda digalakkan untuk melayari laman web Kami dari semasa ke semasa.
- 8.5 Kami diperbadankan di Malaysia dengan ibu pejabat Kami di Malaysia. Notis ini dan semua hal yang berkaitan dikawal oleh dan akan ditafsirkan sepenuhnya sesuai dengan undang-undang Malaysia tidak termasuk peraturan undang-undang antarabangsa persendirian atau konflik undang-undang yang akan menyebabkan penerapan undang-undang bidang kuasa lain.
- 8.6 Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Notis ini atau pindaan terhadap Notis ini, Kami mungkin tidak dapat memberikan anda transaksi yang anda minta atau perkhidmatan yang berkaitan.

9. Hubungi Kami

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Notis Kami, anda boleh menghubungi Kami di:

alamat e-mel : customerrelationship@e-serbadkgroup.com
untuk perhatian : Janice/Winnie
nombor telefon : +603-55113213 ext 153
alamat : 9-1 Pusat Dagangan Shah Alam, Lot 9, Persiaran Damai, Seksyen 11,
40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia